

CNS6073

R GB18-11 00169 BH750

bah

Pembetulan

Menggantikan para satu, Presiden Namibia ialah Sam Nujoma, ulang Nujoma, hukan Najumo.

Berikut ialah berita dengan pemhetulan:

Mahathir - Rundingan

MALAYSIA DAN NAMHIBTA TEROKA KERJASAMA

Daripada Mahrus Ibrahim

WINDHOEK, 18 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sedang melawat Namibia, mengadakan rundingan rasmi dengan Presiden Sam Nujoma semalam bagi meneroka kerjasama dalam bidang-bidang tertentu untuk kepentingan bersama.

Antarapersetujuan yang dicapai ialah Namibia akan membuka pejabat perdagangan dan pelancongannya di Kuala Lumpur manakala satu mesyuarat peringkat menteri akan diadakan setiap tahun.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Halim Ali memberitahu pemberita bahawa Perdana Menteri telah menawarkan bantuan Malaysia untuk melatih rakyat Namibia dalam beberapa bidang yang Malaysia mempunyai kepakaran seperti pentadbiran, penerbangan awam dan kewangan.

Kedua-dua negara juga bersetuju menjalin kerjasama disektor perlombongan,

Namibia terkenal dengan industri perlombongannya, dan dalam hal ini, Malaysian Mining Corporation (MMC) berminat mengadakan usahasama melombong emas dan berlian. -- Lagi

▼18/11/10-09MST

CNS6045

R GB 18-11 001.46 BH748

bah

Mahathir - Rundingan 2 Windhoek

Halim berkata Namibia begitu berminat mempelajari pengalaman Malaysia, kerana dalam beberapa aspek kedua-dua negara mempunyai persamaan.

Sebagai negara yang pernah dijajah dan mempunyai pelbagai keturunan, Namibia ingin mengikut jejak Malaysia dalam mengekalkan perpaduan kanm sambil membolehkan masyarakat pribumi menikmati kehidupan selesa.

Soal pelaburan juga dibangkitkan pada rundingan itu, dan menurut Halim, wakil-wakil sektor swasta yang mengikut lawatan Perdana Menteri ke sini, dijangka menemui usahawan tempatan sebagai langkah susulan.

Antarabidang yang dikenal pasti untuk menggalakkan pelaburan ialah pembangunan hartanah dan pelancongan.

Di bidang kewangan, Namibia kagum dengan kejayaan Malaysia mengekalkan kedudukan nilai ringgit yang stabil dan berharap menjadikannya contoh sebelum ia mengeluarkan mata wangnya sendiri dalam masa dua tahun ini.

Namibia kini menggunakan Rand, mata wang Afrika Selatan, yang nilainya hampir sama dengan Ringgit. -- Lagi

▼18/11/09-20MST

CNS6047

R GB 18-11 00109 BH749

bah.

Mahathir - Rundingan 3 (Akhir) Windhoek.

Halim berkata kedua-dua negara akan mengkaji kemungkinan mengadakan kerjasama udara.

Penerbangan Malaysia (MAS) yang kini mempunyai perkhidmatan ke Johannesburg di Afrika Selatan boleh mengadakan kerjasama dengan Air Namibia untuk ke sini, katanya.

Pada pertemuan itu juga, Presiden Nojomo menerangkan mengenai suasana politik serantau sambil berharap bahawa sebarang sengketa di negara-negara yang berjejak dengan Namibia dapat diselesaikan dengan baik kerana jika tidak, Namibia akan menjadi tumpuan pelarian.

Hari ini Dr Mahathir berlepas ke Luderitz di selatan Namibia untuk menyaksikan operasi sebuah syarikat perikanan selain melawat Ice kawasan hidupan liar. --Bernama

18/11/09-29MST